



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN
ENCIK ILYAS BIN DIN
PELUKIS

OLEH:

MUHAMMAD BAIHAQI BIN MOHD AZHAR 2020866284
NUR AINA NATASYA BINTI MOHD ZAMBRI 2020844894

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OCT 2022 – FEB 2023)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ILYAS BIN DIN
PELUKIS

OLEH:

MUHAMMAD BAIHAQI BIN MOHD AZHAR 2020866284
NUR AINA NATASYA BINTI MOHD ZAMBRI 2020844894

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OCT 2022 – FEB 2023)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim,

Alhamdulillah, bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada kami dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertamanya, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah saya, Puan Nurulanissa Binti Abdullah kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang memberi kami pemudahcara untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberi kami segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai kami berjaya menghabiskan tugas ini.

Ucapan penghargaan ini juga kami tujukan kepada rakan-rakan yang banyak membantu kami memberi idea dan pertolongan terhadap setiap apa yang kami ingin lakukan. Mereka membantu kami dengan menjawab setiap pertanyaan yang kami tuju kepada mereka.

Akhir sekali, kami mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara lansung atau sebaliknya dalam pembikinan kerja kursus ini.

Sekian, Terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip Wawancara Bersama Seniman Veteran , Encik Ilyas Bin Din*

Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Ilyas Bin Din mengenai kerjaya beliau dalam bidang seni sehingga beliau memegang jawatan Timbalan Pengerusi Persatuan Penggiat Seni Lukis (PELUKIS) . Temubual ini di jalan di Bazar Tengku Anis Kota Bharu . Beliau merupakan salah seorang ahli pelukis yang ternama kerana terlibat di dalam pelbagai aktiviti . Transkrip ini menyentuh sedikit sebanyak tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau ketika menjadi pelukis yang cukup disegani di Kelantan. Selain itu, temubual ini menumpukan tentang pengalaman yang beliau lalui sebelum bekerja sebagai pelukis sepenuh masa. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau bermula sebagai seorang pelukis. Selain itu, beberapa hasrat dan impian beliau untuk bidang seni terhadap remaja.

Kata kunci: *warna air , lukisan, berus ,klasik , kualiti*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	02
Abstrak.....	05
Isi Kandungan.....	07
Biodata Tokoh.....	09
Pengenalan.....	11
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	15
Bahagian B: Pendidikan.....	20
Bahagian C: Pekerjaan Awal.....	24
Bahagian D: Lukisan.....	28
Bahagian E:Persatuan PELUKIS.....	53
Bahagian F:Sumbangan.....	60
Bahagian G: Anugerah & Pencapaian.....	61
Bahagian H: Harapan.....	62
Rujukan.....	64
Lampiran	
Log Wawancara.....	66
Diari Kajian.....	69
Senarai soalan.....	71
Surat Perjanjian.....	80
Gambar.....	81
Sijil penghargaan.....	82
Indeks.....	83

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama :Ilyas Bin Din

Tempat Lahir : Merbok , Kedah .

Umur : 65 Tahun

Hobi : Melukis

Status : Berkahwin

Pekerjaan : Pesara anggota polis dan pelukis

Pendidikan :

- Sekolah Kebangsaan Merbok, Kedah
- Sekolah Menengah Kebangsaan Merbok , Kedah

PENGENALAN

PENGENALAN

Kami telah di berikan tugas untuk daripada pensyarah kami iaitu Puan Nurulanissa Binti Abdullah untuk membuat kajian dan mencari tokoh yang berpengalaman untuk menceritakan tentang seni lukisan sebagai tajuk untuk menyiapkan tugas ini. Tugas ini meliputi dari segi menemu bual tokoh dan merekodkan segala percakapan di dalam bentuk bertulis . Satu kaedah yang yang boleh merakam segala percakapan yang di sebut oleh tokoh yang di pilih ialah secara wawancara.

Tokoh yang di pilih untuk ditemu ramah ialah Encik Ilyas Bin Din adalah seorang pelukis yang sangat di kenali di negeri Kelantan Darul Naim. Beliau sangat dikenali oleh peminat lukisan, organisasi swasta dan kerajaan kerana hasil lukisan beliau telah mendapat perhatian oleh sesetengah pihak serta hasil lukisan beliau juga selalu ditempah oleh pihak tersebut. Encik Ilyas Bin Din juga masih merupakan pelukis yang masih aktif di negeri Kelantan ini.

Hal ini telah di buktikan melalui temubual yang telah di jalankan oleh kami berdua. Melalui perkongsian pengalaman dan sumbangan ini, ia telah banyak mendedahkan latar belakang Encik Ilyas Bin Din dan sedikit ilmu tentang berus lukisan dan cara untuk melukis.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum wbt saya Muhamad Baihaqi bin Mohd Azhar dan rakan sekumpulan saya Nur Aina Natasya Binti Mohd Zambri daripada Universiti Teknologi MARA Machang ingin bertemu bual bersama Tuan Ilyas iaitu bekas Timbalan Pengerusi persatuan penggiat seni lukis (PELUKIS) Kelantan untuk membuat tugas temu bual bersama tokoh seniman veteran yang diberikan oleh pensyarah kami. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 16 Januari 2023 bersamaan hari Isnin pada pukul 10 am bertempat di Bazar Tengku Anis Kota Bharu .Tujuan kami bertemu bual bersama Tuan Ilyas kerana kami ingin mengetahui tentang pengalaman beliau yang telah bergiat dalam bidang seni lukisan sehingga beliau mendapat memegang jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Persatuan Penggiat Seni Lukis (PELUKIS) Kelantan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

EID: Encik Ilyas Bin Din
NAN: Nur Aina Natasya
MB : Muhammad Baihaqi

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

MB : Assalamualaikum encik, pertama sekali kita akan mulakan sesi ini dengan latar belakang encik terlebih dahulu. Jadi soalan pertama kami, Encik apa khabar, bagaimana dengan kesihatan encik hari ini?

EID : Okay, Waalaikumsalam, harini sihat la, kalau tak sihat tak duduk sini kan. Setakat ni, Alhamdulillah sihat, boleh duk buat kerja kerja macam ni, macam hmmm macam biasa la .

MB : Seterusnya, apakah nama penuh tuan ?

EID : Okay, nama penuh saya Ilyas Bin Din . Nama seni saya , Ilyas . Nama facebook saya Ilyas Din jugaklah.

MB : Adakah encik ada sebarang gelaran yang diberikan kepada encik oleh penduduk kampung atau keluarga?

EID : Aaaaa takdak [tiada]. Nama saya tu jah [sahaja] ... takdok[tiada] nama lain dah.

MB : Berapakah umur tuan sekarang ?

EID : Umur 65 tahun , nak masuk 65 la . hari jadi bulan 11 baru ni

MB : Dimanakah kampung kelahiran tuan ?

EID : Saya berasal daripada Kedah , orang kedah. Aaaa Kampung kat Merbok sekarang ni kat kampung tu dah ada UiTM kan Aaaa UiTM Merbok , rajin dengar kan. Dekat ja [sahaja] dengan rumah saya.

MB : Apakah nama ibu bapa tuan ?

EID : Ookayy ... nama ibu saya nama Sofiah Binti Abit ... meninggal dah jadi arwah dah . Ayah saya Din D-I-N bin Loh pun telah meninggal.

MB : Apakah nama isteri tuan ?

EID : Isteri saya Wan Nor Hasyimah Binti Abdul Rahman @ Man.

MB : Adakah isteri tuan bekerja ?

EID : Aaaa isteri saya bekerja aaa sebagai seorang guru mengajar di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa 2 .

NAN : Adakan isteri tuan seorang cikgu seni juga ?

EID : Tak hahahaha saya dulu bekerja berkhidmat masyarakat saje aaaa .

MB : Berapakah cahaya mata tuan ?

EID : Aaaa 6 orang semua sekali .

NAN : Antaranya....berapakah bilangan orang lelaki dan berapa orang perempuan ?

EID : Aaaa laki laki 5 , 1 perempuan . 3 dah bekerja eh 3 apa nya ... 5 dah bekerja hahahaha sorang ja [sahaja] hat [yang] tak [tidak] bekerja .

MB : Adakah encik mempunyai cucu? Boleh nyatakan berapa orang .

EID : Cucu ada 3 ... 3 dah cucu kita ... kalau 65 takda cucu lagi taktau [tidak tahu] nak kata hahahahaha.

NAN : Sudah besarkan cucu encik ?

EID : Cucu saya aaa darjah berapa eh darjah 6 hat[yang] tu yang sulong ... yang lain tu kecik kecik lagi . Sorang je yang besar tu.

- MB : Apakah aktiviti yang dilakukan oleh tuan pada masa lapang ?
- EID : (bunyi batuk) masa lapang hmmm saya banyak melukis la , kerja kerja rumah bantu bantu isteri sawang sawang rumah apa tuu Bersih kawasan rumah tu jelahh waktu lapang dah takda kerja nak buat keluar peluh je kan .
- NAN : Adakah encik masih bersukan sekarang ?
- EID : Sukan ? Ooo tak[tidak] dah hahaha.
- MB : Siapakah yang memainkan peranan di dalam pembabitan tuan dalam bidang ini?
- EID : Isteri saya lah yang jadi hmmm orang kata tulang belakang ... ibarat tulang belakang pastu kawan kawan kito [kita] .
- MB : Siapakah kawan baik tuan di dalam industri seni daripada mula sehingga sekarang?
- EID : Sapa eh hahahah dua orang ni je yang baik dengan saya . Nak gi mana mana jauh , ada apa apa pameran .. ada mana mana pertandingan melukis .

MB : Boleh tuan sebutkan nama penuh ?

EID : Kawan kita ? Haa saya juga tak kenai hahaha cikgu naim ka ? (Tanya orang depan) hahaha ni nama dia Cikgu Mohd Naim hat [yang] tu cikgu .. itu jelah....yang lain lain tu kawan kawan gitu [macam itu] jelah tidak la bergiat macam ni .

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: PENDIDIKAN

MB : Seterusnya, kita akan beralih kepada latar belakang pendidikan encik pula. Bolehkan tuan cerita tentang latar belakang pembelajaran tuan dari sekolah rendah sehingga sekolah menengah ?

EID : Sekolah rendah dulu Sekolah Kebangsaan Merbok Pusat aaa sekolah saya pelik sikit dia ada merbok dia ada pusat hahahaha. Selepas itu, pergi ke Sekolah Menengah Merbok Saya tak pergi jauh takat tingkatan lima jah pastu saya kerja (bunyi batuk).

MB : Adakah tuan pernah menyambung pengajian di peringkat universiti ?

EID : Haaa takdak takdak [tiada tiada].

MB : Adakah tuan seorang yang aktif di dalam bidang kokurikulum semasa sekolah rendah dan menengah ?

EID : Dulu ada jugak Aaaa masa sekolah rendah ada jugak .

MB : Boleh encik menceritakan ?

EID : Dulu ada apa ja, tak macam sekarang ni hmmm kelab kelab biasa.

NAN : Encik pengakap ?

EID : Haa pengakap pastu[selepas itu] apa nama tu jelah aktiviti yang pernah buat .

MB : Apakah kenangan manis ketika di zaman persekolahan ?

EID : Hahahaha nak suka kalau bab kenangan manis .. kenangan manis kena piak [pukul]dengan cikgu hahahahah nakal dulu masa sekolah rendah Sekolah menengah baik dah la tu jelaaa.

MB : Pernahkah tuan mengambil kursus seni seperti sijil di dalam bidang seni ?

EID : Hmm tak tak [tidak tidak] .. tak pernah

MB : Apakah yang menyebabkan tuan meminati bidang seni lukisan ?

EID : Sebenarnya bidang ni dari saya kecil lagi ... hobi la mula mulanya

NAN : Dari sekolah rendah kah ?

EID : Haa dari sekolah rendah lagi ... saya suka melukis lepastu minat kita yang mendalam dekat seni lukis .

NAN : Adakah tuan berasal dari keluarga yang berlatar belakang kan keluarga yang berseni ?

EID : Takda . Hanya saya yang terlibat .

MB : Dimanakah tuan memulakan perjalanan sebagai ahli seni lukisan ?

EID : Masa tu tahun 1993, saya masuk belajar seni dekat Balai Seni Kelantan.

MB : Sudah berapa tahun tuan didalam bidang ini ?

EID : Kira la dari tahun 1993 sampai loni [sekarang] . Loni [sekarang] 2023 ... lebih kurang 30 tahun jugoklah [juga]. Tapi yang aktifnya 2017 yang saya betul betul aktif selepas saya bersara.

MB : Adakah bakat tuan dalam bidang melukis ini bakat turun temurun dari ahli keluarga atau sebaliknya ?

EID : Haa takdak [tiada] . Saya sorang [seorang] je hahaha tunggal .

NAN : Anak anak tuan ?

EID : Anak anak pun tak mau [nak] ikut.

MB : Adakah tuan mempunyai bakat yang lain,selain dari bakat melukis ?

EID : Hm takdaa . Saya pandai melukis jaa [je].

NAN : Menyanyi ?

EID : Nyanyi huduh huduh [biasa biasa] boleh la hahaha

MB : Siapakan idola tuan di dalam industri seni dan mengapa ?

EID : Banyak sangat ni .. saya takda[tiada] idola tapi ada la tengok tengok hasil lukisan mereka . Ambik ilmu sikit sikit dari mereka untuk tambah ilmu , tambah skills [kepakaran]

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: PEKERJAAN AWAL

- MB : Baiklah, kita beralih kepada pekerjaan awal encik dahulu. Sebelum encik terlibat dalam industri lukisan ini, adakah encik ada pekerjaan lain?
- EID : Dulu, sebelum saya jadi pelukis, saya merupakan bekas anggota uniform. Saya kerja sebagai polis trafik
- NAN : Maksudnya selepas tamat SPM , encik terus berkhidmat menjadi polis ?
- EID : Eh tak. Selepas SPM, saya kerja biasa biasa saje macam kerja kilang, rumah batu . Saya mula berkhidmat sebagai polis trafik pada tahun 1979 .
- NAN : Adakah encik memang berminat menjadi polis atau hanya mencuba nasib ?
- EID : Masa tu , nak cari kerja payah hmm dengan kelulusan kita setara tu . Kita cuba cuba mintak ehh boleh . Dapat tu gak , saya kerja jelah[sahaja] hahaha . Lagipun orang tua kita bukannya senang ... orang kampung kan buat padi dengan noreh je .
- MB : Apakah faktor, mengapa encik sudah tidak bekerja dalam bidang tersebut?
- EID : Kita bersara lah sampai cukup tahun perkhidmatan.
- NAN : Boleh encik bagitahu , pada permulaan encik bekerja , berapa gaji yang encik terima pada ketika itu ?
- EID : Masa tu RM235 hahaha .

NAN : Gaji untuk satu bulan ?

EID : Ya hahah paling kecil . Kalau masa tu , gaji cikgu pun RM500 je sebulan. Tapi lebih kurang supo[seperti] lani [sekarang] jugok[juga] . Kalau dulu RM213 , lani[sekarang] RM 2013 . Nilai duit kita je yang berubah . Tapi kalau dulu, 5 sen pun dah boleh beli kuih hahaha. Bawak 20 sen pergi sekolah , cukup dah makan . Orang kata cukup mewah dah masa tu .

MB : Dimanakah tuan memulakan perjalanannya sebagai ahli seni lukisan?

EID : Di sini lah , di Kota Bharu ni tempat saya belajar , saya masuk kelas belajar bermula dengan kertas size A4. Alhamdulillah ada sambutan dari pelancong luar negara .

NAN : Boleh saya tahu , apakah punca encik berhijrah ke Kelantan ?

EID : Moga kita ada minat dari kecil dah, bila sampai sini , kita cari la cikgu yang boleh mengajar dengan kawan kawan yang pandai dalam seni lukisan. Dari situ, saya pun masuk kelas dalam tahun 90 an macam tu tapi ikut kawan kawan la hahaha . Jumpa dua tiga orang kawan pastu kita pakat “ Jom pergi melukis”. Dalam masa yang sama , Kraf Tangan ada offer [tawaran] untuk kelas melukis untuk kategori dewasa. Kita pun masuk la sebab percuma . Daripada situ la saya start[mula] melukis . Lepas masuk kelas tu , baru tau teknik melukis yang betul kalau tak main lukis je .

MB : Encik masuk kelas lukis tahun bila ?

NAN : Maksudnya tuan masuk selepas bersara anggota polis ?

EID : Eh , saya masuk kelas sebelum pencen pada tahun 1993 . Bila ada time[masa] free[terluang], saya pergi lah masuk kelas . Sebab kerja polis kan ada shift [giliran] jugak .

- NAN : Ketika encik masih anggota polis, pernah tak encik menerima side income [pendapatan sampingan] dari hasil melukis ?
- EID : Adaa pernah pernah . Saya mencuba jual hasil lukisan saya tapi masa tu boleh jual dengan harga yang murah jah.
- MB : Sudah beberapa tahun tuan didalam bidang ini?
- EID : Awak kira la dari tahun 1993 sampai sekarang 2023 . Dah lama saya duduk dalam dunia lukisan .
- MB : Apakah hasil seni lukisan yang pertama dibuat oleh tuan ?
- EID : Tak ingat dah sebab banyak sangat . Tapi dulu saya memang mula dengan size [saiz] B5 .
- NAN : Lukisan pertama yang di tempah ?
- EID : Ha lukisan pertama yang ditempah oleh Dato Takiyuddin Hassan. Hat [yang] tu la mula mula sekali dekat Masjid Muhammadi Kota Bharu. Beliau suruh saya lukis Masjid Muhammadi .

MB : Seterusnya , boleh encik ceritakan kepada kami kesan covid 19 kepada encik ?

EID : Masa covid tu , saya tak buat apa . Kita memang stop[berhenti] terus . Saya memang duduk di rumah je , sebab barang takleh nak beli, kedai banyak tutup . Kita nak keluar pun tak boleh , online [dalam talian] pun macam tu jugak. Semua tergendala masa tu. Saya memang tak kerja la masa tu . Kalau ada pun , kertas lama lama boleh la saya conteng sikit sikit . Masa tu , takleh nak jual, takleh nak buat apa. Kesan dia teruk jugak la sebenarnya . Tapi saya ni bernasib baik sebab ada pencen . Kalau harap ke lukisan, hmm memang tak lah masa tu.

MB : Pernahkan tuan memasuki selain persatuan PELUKIS ?

EID : Hm takda .

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: LUKISAN

- MB : Seterusnya, kita beralih pula tentang kegiatan encik dalam bidang seni lukisan ini. Sekiranya encik masih ingat, pada tahun bilakah encik mula berjinak-jinak dalam bidang seni lukisan?
- EID : Macam yang saya sebut tadi, lebih kurang tahun 1993 saya mula-mula melukis.
- MB : Siapakah guru encik yang memberi tunjuk ajar kepada encik dalam bidang seni lukisan ini?
- EID : Guru yang ajar saya melukis ialah Cikgu Azran dan seorang lagi Cikgu Nawi. Tapi yang paling banyak mengajar saya Cikgu Azran lah. Beliau la tempat saya rujuk, tempat saya belajar.
- NAN : Pernah kena marah tak dengan cikgu?
- EID : Hahaha tak pernah. Dia cuma bagitau la kat mana kurang, saya betulkan balik. Macam tu jelah.
- MB : Adakah ada faktor lain yang mendorong kepada encik untuk meneruskan diri encik dalam bidang seni lukisan ini?
- EID : Minat saya lepastu dengan kita nampak income [hasil pendapatan] dari hasil lukis. Maksudnya ada sambutan la dari orang luar.
- MB : Pernahkan penglibatan encik ini mendapat tentangan dari mana-mana pihak?
- EID : Takat ni takdak [takda], kebanyakan bagi sokongan kepada saya la untuk terus melukis.

- MB : Bagaimana cara untuk kekal menapak di dalam industri seni ?
- EID : Kita kena baiki kita punya kelemahan, kesilapan kita . Kita baiki lukisan kita hari hari , sekarang bukan kita nak confirm[mengesahkan] yang kita ni bijak , dak[tak] ... Cuma masih belajar hari-hari .
- MB : Boleh saya tahu, apakah tema atau lukisan kegemaran encik ? Maksudnya encik sangat mahir dalam jenis lukisan tersebut.
- EID : Okay , lukisan saya ni banyak guna water colour[warna air] sahaja . Acrylic ni jarang jarang la saya guna tapi hanya untuk tempahan . Tapi kalau favourite[kegemaran] saya , water colour[warna air] lah.
- MB : Apakah pendapat tuan tentang seni lukisan moden yang menggunakan komputer ?
- NAN : Lukisan yang menggunakan komputer macam 3D , lukisan yang kearah digital.
- EID : Sebenarnya kalau awak nak tau , saya cuba jugak la belajar guna digital ni ahahaha tapi lagi mudah lukis guna tangan . Lukisan digital ni boleh la jimatkan masa, memang bagus lah . Sebab dia tak gunakan masa yang lama . Kalau lukisan biasa ni , satu hari pun tak siap lagi. Kalau guna digital , memang cepatlah dan dari segi hasil dia memang terbaik .

- NAN : Saya ada soalan tentang cara memulakan lukisan , adakan encik sketch[lakaran] guna pensil dahulu atas kertas yang encik nak jual tu?
- EID : Ha ah saya sketch[lakaran] guna pensil lepastu saya colour [warna] lah .
- NAN : Ada perbezaan tak antara lukisan digital dan lukisan biasa ?
- EID : Ada, selain dari masa , kalau lukisan digital ni ada pensil spesifik untuk melukis digital . Kalau dari segi kualiti, memang terbaik lah tapi kita boleh kesan la Nampak sangat guna komputer.
- NAN : Kalau perbandingan harga, antara lukisan digital dan lukisan biasa , yang mana lagi mahal ?
- EID : Semestinya lukisan tangan lagi mahal , sebab digital ni macam copy [Salinan] jah . Kita hanya tukar sikit sikit , macam tu je lah .
- MB : Apakah reaksi tuan jika orang awam memberi kritikan terhadap lukisan tuan ?
- EID : Kritikan tu saya tak ambik kira, sebab pandangan orang terhadap seni ni lain lain . Macam kalau kita letak harga tinggi , dia kata tak sesuai sebab hanya kertas dan colour [warna] saja . Kalau kritikan yang negative, saya memang tak ambik kira. Kalau kritikan yang baik dan membina , kita ambik .

NAN : Contoh kritikan yang membina maksudnya ?

EID : Contohnya macam “awak kena tambah situ sini ataupun kurang gelap situ sini” ha macam tulah . Oh macam dia mengajar kita pulak hahaha . Masa sebelum kita belajar , saya rasa semua sama macam jauh dekat . Tapi bila dah belajar , contoh macam ni “tunjuk lukisan” . Yang ni objek pertama kita , kalau yang belakang ni gambar jauh pastu ni dekat dan makin dekat .

NAN : Macam encik kata tadi , ada objek . Maksudnya akan siapkan objek dulu ke atau macam mana ?

EID : Ha kita akan siapkan objek dulu . Dia ada step [langkah], kita akan buat yang jauh dulu dan yang belakang dulu . Kita siapkan background [latar belakang] dulu lepastu baru siapkan objek depan .

NAN : Apakah kesan kalau tersilap colour [warna]?

EID : Watercolour [warna air] ni kalau silap kita akan buang terus jelah hahaha sebab takleh [tidak boleh] padam takleh baiki . Kita nak tukar colour pun tak boleh .

MB : Bolehkan tuan bekerja di bawah tekanan yang diberikan oleh pelanggan ?

EID : Hahaha tak boleh . Sapa sapa [siapa siapa] yang melukis ni akan jadi *stress*[tekanan] . Kalau dia mari kedai ni , kalau kita bagi masa seminggu ni , dia kata *takpa saya boleh tunggu ni* . Tiba tiba call dalam masa 2 hari dah tanya siap ke belum hahaha . Ha lari dah la mood nak melukis tu . *So [satu]*

lagi pelukis ni tak boleh stress , tak boleh ada masalah jadi mood kita *hiley* [hilang] .

NAN : Untuk satu lukisan , kebiasaanya encik yang berikan tempoh atau customer yang mintak ?

EID : Kita yang bagi la sebab kita yang nak lukis hahaha .

MB : Satu lukisan tu, kalau ada banyak objek , lama mana tuan boleh siapkan ?

EID : Kita ambik masa 3 4 hari jugak lah . Habis habis lama seminggu jugak lah , ikut size jugak sebenarnya . Kertas lukisan ni banyak saiz, A3 , A1 . Kalau A1 ni besar sikit . Kalau A1 ni makan masa dalam 4 hari .

MB : Maksudnya tempoh masa mengikut saiz gambar kan tuan ?

EID : Ha betul , tempoh masa tu ikut saiz gambar . Lepastu ikut kapasiti kertas dan kualiti dia . Setengah kertas dia tak tahan , dia masuk angin. Kalau masuk angin, kita tak dapat buat apa dah lah hahaha buang jelah .

MB : Apakah kriteria yang di perlukan sebelum terlibat di dalam dunia bidang seni ?

EID : Dia kena ada minat , kalau takda minat , tak jadi jugak . Kalau ada bakat tapi tak minat pun tak jadi jugak. Setengah tu dia ada minat tapi tak berbakat , tak jadi jugak hahaha. Nak mudah kena ada dua dua iaitu minat dan bakat . Contohnya , dia nak melukis tapi tangan ni keras, ha tak jadi jugak .

MB : Apakah yang menyebabkan tuan meminati bidang seni lukisan?

EID : Minat melukis saya ni bermula saya boleh tunjuk hasil lukisan saya ni kepada orang . Nak dapat bakat ni susah . Kalau orang tak beli pun , tapi orang tengok hasil lukisan saya . Saya dah cukup gembira dah . Saya rasa seronok bila orang tengok lukisan saya .

NAN : Apakah karya encik yang mendapat sambutan ramai ?

EID : Lukisan ni tak buat banyak kali . Satu gambar tu hanya sekali[satu kali] je . Kalau ada orang minat lukisan yang guna water colour[water colour], saya hanya buat satu je. Takda [tiada] copy[Salinan] untuk setiap lukisan yang saya lukis. Jadi nak kata orang minat, atas subjek la water colour [warna air] ke acrylic ke dia banyak beza . Ni (tunjuk lukisan) kebanyakan saya buat semua guna water colour[warna air] . Jadi atas orang orang yang minat .

NAN : Jika encik lukis satu lukisan , dan ada orang berminat untuk membeli, jadi encik dah tak buat satu salinan lukisan ?

EID : Saya tak buat dah , saya hanya simpan gambar je . Ambik gambar sahaja . Kalau buat untuk kali kedua pun , takkan[tidak akan] jadi dah . Tapi kalau customer [pelanggan] nak jugak , mesti ada part[bahagian] yang lari sikit . Kemungkinan objek sama tapi colour[warna] la lari sikit .Adakah pertandingan itu berlangsung setiap tahun ?

MB : Apakah penglibatan terbesar tuan dalam bidang seni ?

EID : Oh saya ada pertandingan di Karak . Pertandingan Melukis bertemakan Kampungku . Masa tu saya dapat saguhati je . Tak silap saya ada dalam 60 orang , tapi saya dapat nombor 6 .

MB : Adakah pertandingan itu berlangsung setiap tahun ?

EID : Pertandingan ni jarang jarang orang buat tapi negeri negeri lain . Kalau di negeri Kelantan ni , takda lagi anjur pertandingan macam tu Cuma adakan pameran sahaja . Kalau kat Kuantan , banyak pertandingan .

NAN : Ketika pertandingan berlangsung, lukisan tersebut siap dalam masa berapa hari ?

EID : Lukisan tu on the spot[segera] siap . Mereka hanya bagi tema sahaja , kita hanya pergi ambik gambar dan melukis , esok tu kita serah .

NAN : Berkampung di situ la ?

EID : Ha ah berkampung la di situ.

- MB : Seterusnya, bagaimana tuan mendapatkan ilham untuk melukis sesuatu lukisan secara tiba tiba atau melalui sesuatu ?
- EID : Adakalanya saya lukis spontan ataupun kita pergi ke tempat tempat yang menarik , kita lukis la situ . Selalunya saya ambik gambar , selalunya gambar klasik la gambar rumah zaman dulu . Sekarang ni takda dah gambar rumah macam tu macam kampung kampung
- NAN : Dimanakah tempat Encik melukis ?
- EID : Ni (tunjuk dekat booth) . Dulu saya buat kat rumah, tapi sekarang saya dah sewa ni, saya buat kat sini jelah . Kat sini ada kawan kawan , jadi saya duk buat kat sini lah .
- NAN : Kalau ada tempahan pun encik buat di sini ?
- EID : Tak, kalau tempahan saya buat di rumah hahaha. Kalau potret memang saya buat di rumah .
- MB : Seterusnya, kenangan manis dan pahit menjadi seorang pelukis yang di segani ?
- EID : Hmm kenangan manis bila lukisan saya di pamer di H Elite Design Hotel, Kota Bahru. Lukisan tu orang Singapore yang beli. Harga lukisan tu mahal sikit dalam RM2000 lebih

NAN : Adakah harga tersebut , encik yang letak ?

EID : Semestinya, kita yang letak . Sebab lukisan di Kelantan ni , tak boleh tinggi nanti takkan ada orang beli. Dia tak macam Selangor, Johor . Kalau Kelantan (tunjuk lukisan) besar ni RM300 pun tinggi dah . Kalau luar , ada dekat RM800 . Tu beza harga lukisan ikut negeri .

NAN : Harga mengikut faktor persekitaran jugak la encik ?

EID : Ya betul .. faktor persekitaran .

MB : Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang perkhidmatan sebagai seorang pelukis yang hebat ?

EID : Cabaran ... cabaran dengan kawan kawan kita , dengan persatuan persatuan lain sebabnya kat Kelantan ni ada tiga Persatuan . Jadi cabaran di situ macam tak puas hati .

NAN : Tak puas hati dari segi macam mana tu encik ?

EID : Tak puas hati dari segi kita punya kedudukan . Macam saya ni dah ada gred ... lebih kurang macam tu lah . Masing masing tak puas hati dengan lukisan ... itu tak kena ini tak kena .

NAN : Contohnya encik masuk pertandingan, dan encik dapat nombor , masih mendapat kritikan ?

EID : Ya , dalam orang seni ni jugak la hmm.

MB : Di Kelantan, ada tiga persatuan , boleh encik sebutkan ?

EID : Boleh ... Persatuan Seni (PESENI) , PESTA dan PELUKIS .

MB : Yang paling besar antara tiga tersebut ?

EID : PESENI hok [yang] paling besar sebab pertubuhan dia tu daripada aaaa tahun ni dah menjangka 40 tahun lebih dah hok [yang] paling lama lah .

MB : Kalau PELUKIS dah berapa tahun ?

EID : Kalau PELUKIS ni dari tahun berapaa hmmm tak lama dalam 6,5 tahun gitu [macam itu] jugak la. Baru je lagi

MB : Bagaimana dengan satu lagi persatuan ?

EID : Oh PESTA , dulu saya masuk PESTA ... gabungan tu bukan nya apa dia macam dia ada kelas kelas . Kelas tu maksudnya macam peringkat umur la jadi aktiviti ni tersekat . Kalau peluh pun tak berapa nak keluar la hahaha tak aktif la . Kalau PELUKIS ni dia aktif ... dia aktif sangat .. sekarang ni duk[tengah] buat pameran di KL .. tu jelah .. sekarang ni pun kami 4 orang tubuh pulak satu group [kumpulan] .

MB : Seterusnya, apakah lukisan lain yang menjadi impian tuan yang masih belum tercapai ?

EID : Sekarang ni saya nak cuba buat oil painting [lukisan minyak]... sebab sekarang ni saya duk[tengah] buat acrylic saja .. nak cuba jugok [jugak] buat oil painting [lukisan minyak].

NAN : Susah ke encik lukisan yang guna oil painting [lukisan minyak] ?

EID : Dia macam ni , water colour[warna air] ni sebagai ibu ... ibu kepada segala jenis lukisan .. jadi bila kita tukar ke oil[minyak] .. dia akan jadi mudah macam cara campuran ... campuran colour[warna] lah . Masalah lukis ni satu je campuran colour[warna] hat [yang] tu yang susah

NAN : Bagaimana pula dengan harga ?

EID : Kalau harga barang , oil[minyak] la paling tinggi sekali sebab lukisan dia pun boleh jual dengan mahal ... bahan mentah dia pun mahal .

NAN : Bagaimana dengan kertas ?

EID : Kalau oil[minyak] kita gunakan canvas , canvas tu jauh lebih ringan pastu harga dia pun mahal sebab nanti nak kena letak dalam cermin ha harga frame saje pun dah mahal . Kalau oil , kita frame tepi (tunjuk lukisan) macam ni je lah. Kalau sambutan , banyak suka oil lah sebab dia mudah cuci, ringan. Kalau macam ni (tunjuk lukisan) nak gantung dinding pun payah ni, boleh jatuh pecah .

MB : Kalau dari segi ketahanan ?

EID : Kalau ketahanan , oil[minyak] lah .

NAN : Seperti yang encik sebut tadi tentang masuk angin, boleh encik jelaskan ?

EID: Kalau masuk angin tu macam dia dah rosak .. (tunjuk lukisan) ha kalau macam ni dah rosak la ni ... kertas dan colour tu masuk angin jadi kita tak boleh nak colour[warna] . Dia sifat water colour[warna air] ni , kalau kita letak tu dia akan ikut air .. tu sifat water colour[warna air] . Jadi bila kertas tu masuk angin, kalau kita letak colour[warna] tu ... benda tu tak pergi .. dia duduk situ je ... ha rosak la tu . Kita nak dia mengembang macam batik kan.

NAN : Boleh saya tahu faktor terjadi nya masuk angin ?

EID : Faktor dia kertas kurang baik .. kualiti kertas dia kurang ... dulu kertas ni elok , tapi pihak penjualan ni dia dah tak order [pesan] barang. Lepas covid ni , dia tak order [pesan] . Jadi barang susah dapat.

MB : Apakah perbezaan bidang lukisan sekarang berbanding dahulu ?

EID : Setakat ni takda perbezaan sebab water colour ni dia macam tu saja cuma gambar pun lagu [macam] tu jelah . Kalau ada orang minat klasik , dia minat. Lani [sekarang], lukisan moden dia lain , lani [sekarang] orang guna colour [warna] terang. Bentuk lukisan pun lain . Rajin tengok kan lukisan moden ?

MB : Pernah (angguk)
NAN

EID : Sebenarnya atas orang jugak, macam doodles [coretan] ni orang muda minat . Macam saya ni suka gambar klasik . Perbezaan hanya di situ .. dia ikut kategori umur hahaha.

NAN : Kalau ada customer [pelanggan] mintak [minta] encik lukis kartun , boleh tak ?

EID : Hahaha memang tak boleh la sebab saya bukan kartunis .

NAN : Hanya gambar pemandangan jela kan ?

EID : Ha betul pemandangan jela , potret ha boleh la .

MB : Berapa lama tuan mengambil masa untuk menyelesaikan satu lukisan ?

EID : Tadi saya bagitau dah hahaha dalam masa tiga hari sampai seminggu .

MB : Apakah tuan bersedia menghadapi sebarang risiko sebelum tuan terlibat di dalam bidang seni ?

EID : Hmm takda risiko sebab bidang ni bukan semua orang .. orang tertentu saja jadi takda risiko .

MB : Berapakah modal permulaan tuan memulakan dalam bidang seni ? seperti dari segi harga kertas, warna dll.

EID : Tak banyak sebab tak mahal mana dalam serratus lima puluh macam tu jelah . Colour masa tu baru dalam RM70 harga dia , kalau berus ni saya dah naik taraf la , kalau dulu kita beli kat kedai biasa biasa je dalam 3,4 ringgit . Lani [sekarang] sebatang kat RM 200, 300 macam ni (pegang berus lukisan) .

NAN : Semua barang ni encik beli online[dalam talian] ke ?

EID : Ada beli kat kedai , ada beli dekat online[dalam talian] . Sebab perbezaan dia ada tu barang mahal dengan barang murah . Kalau yang mahal ni, bulu asli ... bulu binatang macam bulu musang bulu kuda bulu tupai .. dia lain . Kalau dulu , bulu plastik saja. Kalau lukisan water colour ni , dia kena guna berus yang mahal la .

NAN : Ada spesifik brand [jenama] tak ?

EID : Dia ada ... Series 7 Kolisky .. berus ni buatan tangan .. sebatang dalam dua ratus lebih macam tu jugak lah yang ni (pegang berus lukisan) saiz 8 .

MB : Setiap berus tu ada saiz yang berbeza ?

EID : Dia berbeza sampai ada tiga kali kosong paling kecil ... paling halus .. kalau yang paling besar saiz 20.. yang ni saiz 20 (pegang berus lukisan) ... besar ni .

NAN : Di Kelantan , ada kedai jual barang lukisan ?

EID : Takda , kalau barang macam ni kita order [pesanan] online lah .. ni berus ni saya tak guna lagi . Kalau berus macam ni (pegang berus lukisan) berus flat macam ni kita buat latar .. benda yang latar dia akan jadi sama . Kalau berus yang halus tu, kita guna untuk buat details [terperinci] macam nak buat mata ke apa ke ... jenis jenis halus macam celah celah .

MB : Kalau encik nak start [mula] lukis, apa encik buat dulu ?

EID : Lepas kita sketch [lakar] tu, kita akan start [mula] colour [warna] yang paling halus dan paling lembut nak dia layan sampai dua tiga layer [lapisan] . Dia tak boleh se layer [satu lapisan] .

NAN : Mengenai penggunaan berus ni , maksudnya selepas encik colour [warna] , ada cara untuk encik bersihkan ?

EID : Kalau water colour [warna air]ni kita guna air jelah .. kalau acrylic pun kita pakai air jugak . Kalau minyak kita guna minyak tanah turpentine tu jelah kalau guna minyak Petronas ha terbakar lah hahaha.

MB : Berapakah pendapatan tuan sebagai seorang pelukis ?

EID : Pendapatan ke pendapat ?

MB : MB : Pendapatan encik hahaha

EID : Ha kalau pendapatan ni bagi kita di Kelantan ni hmm pendapatan kira ni tidak stabil la sebab di Kelantan ni kurang sambutan lepastu lepas lepas covid ni kurang la sikit. Selalunya lukisan saya ni orang luar yang beli .. baru ni orang dari KL mari [datang] beli . Hm boleh kata pendapatan kita tak tetap . Kalau kita duduk di KL , pendapatan kita tetap . Kalau siapa yang pandai potret duduk di KL, semalaman tu boleh dapat lima enam ratus tu sangat senang . Lukisan besar ni (tunjuk lukisan) dapat la dalam tiga ratus . Kita di sini takda [tiada] sambutan. Harap ke tempahan je la . Kalau nak sara untuk diri kita boleh , kalau nak beli kertas , warna tu boleh sebab warna ni mahal . Kalau nak kita menghasilkan lukisan yang cantik, warna dalam RM400, RM500.

NAN : Harga untuk barang sahaja ?

EID : Harga untuk warna sahaja hahaha.

NAN : Untuk lukisan yang menggunakan water colour[warna air], untuk jangka masa yang lama , masih bertahan dengan warna yang sama?

EID : Ya .. kalau guna colour [warna] yang mahal , takkan [tidak akan] luntur langsung . Kalau guna colour [warna] yang murah yang macam RM 10 akan berkurang la kualiti dia .

EID : (tunjuk lukisan) ha yang ni guna barang yang murah .. awak tengok dia jadi luntur kelabu . Dulu saya warna guna warna kuning .

- NAN : Maksudnya encik sebagai seorang pelukis, encik tahu la lukisan tu dari barang yang mahal atau murah ?
- EID : Ha boleh tahu .. kita boleh tahu tengok dari colour [warna] . Perbezaan warna dia lain . Kalau warna yang mahal, walaupun kita letak sikit .. dia akan menyerlah dia terang . Sebab saya guna banyak colour [warna], bukan satu colour [warna] . Macam macam colour [warna] saya guna .
- NAN : Kalau brand [jenama]pun encik campur la ?
- EID : Ha kalau brand [jenama] pun saya campur je . Tapi campur yang mahal mahal la hahaha . Kalau sketch [lakar] kita guna macam ni (tunjuk lukisan). Kalau macam ni (tunjuk lukisan) , ha mahal la tapi kalau jenama Newton , dia mahal tapi kualiti dia tak okay ... satu kotak kita beli dalam RM100 lebih...(tunjuk warna) awak tengok ni dia lambat nak cair .. maknanya kalau nak guna ni , kita kena bubuh [letak] air belum cair lagi . Kalau yang mahal ni sikit je , terus naik .
- NAN : Adakah encik menggunakan jenama yang tertentu untuk barang lukisan?
- EID : Kalau barang yang terbaik sekali murah alpha korea bagi yang tak mampu, yang terbaik sekali mountyellow harga dia RM450.

NAN : Apa peralatan encik syorkan untuk orang yang ingin bermula dalam bidang seni?

EID : Beli hok[yang] biasa-biasa jah, Kalau dia beli yang mahal takut tok[tak] pandai nak guno[guna].

NAN : Kalau warna lukisan tidak kena dengan kehendak encik bagaimana encik membetulkannya?

EID : Tak boleh nak tukar doh[dah], kalau macam saya dah bijok kito bulih agok doh[bijak saya boleh agak dah], kalu[kalau] yang tak pandai lagi dia sediakan kertas kosong dan tanda dulu colour[warna] nak dia nak.

MB : Bagaimanakah tuan menetapkan harga untuk sesebuah lukisan ? Adakah dari segi saiz atau lukisan tersebut ?

EID : Cara kita buat ikut saiz setengah dia guna kaki kira frame(bingkai] Semua lain harga, pahtu[lepas tu] upah kita pulok[juga].

NAN : Upah tu encik kira per jam ke per hari?

EID : Tu atas kita perjam pun boleh kadang-kadang kita campur je.

- NAN : Adakah hasil lukisan encik dipamerkan di muzium?
- EID : Tak dok[tidak] , cuma ada satu di galeri bekas pengarah balai seni lukis Malaysia.
- NAN : Kalau lukisan encik ada dimuziumkan apakah encik yang mahu dipamerkan atau macamana?
- EID : Muzium akan beli , dia akan letak. Cuma lukisan saya sekarang ni banyak ada di Hotel H elite, hotel tune, hotel satu lagi sebab di muzium ni susah.
- NAN : Sebelum hasil seni lukisan encik diletak di muzium adakah pihak muzium akan menemubual encik?
- EID : Dia cuma ambik kita punya profile la.(tokoh mengambil lukisan yang dibeli olehnya memberi contoh lukisan yang menggunakan watercolor)
- NAN : Berapa lamakah masa yang diambil oleh encik untuk menyiapkan satu lukisan?
- EID : Dalam 2,3 hari kalau cat minyak sebulan pun ada .Ada saen[kawan] saya cat minyak 3 bulan tapi besar lah tapi harga tahu berapa RM3000 lebih.

MB : Pernahkah lukisan tuan mendapat perhatian di luar negara ?

EID : Luar negara tu kita tak tahu kalau mat Salleh mari tu ada yang beli baru ni hok Perancis beli gan[dengan] saya sekeping dia mari kita letak di kraftangan tu , lukisan biasa ja tanpa frame [bingkai] sebab mat Salleh ni dia takkan beli hok dalam frame [bingkai] kalau dia beli pun dia suruh buka sebab dia nak gulung wak balik.

NAN : Berapakah harga lukisan yang encik letak di kraftangan?

EID : Tak mahal kalau kecik ni dalam RM50 je

MB : Pernahkah encik menerima permintaan lukisan daripada luar negeri atau negara?

EID : Takde takde[tidak ada]

MB : Siapakah saingan tuan di dalam industri seni ?

EID : Takdok(tiada) saingan.

MB : Dimanakah tuan mendapatkan nasihat atau pendapat tentang sesuatu lukisan ?

EID : Daripada kawan-kawan, guru-guru seni.

